

26 SEP 1997

Mahathir-Cuba (Gambar dijangka)

MAHATHIR TIBA DI HAVANA

Oleh: Syed Jamil Jaafar

HAVANA, 26 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada hari Khamis untuk lawatan rasmi tiga hari sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan dan untuk mencari peluang pelaburan dan perdagangan dalam pasaran baru

Ini merupakan lawatan pertama Dr Mahathir ke negara sosialis dengan 12 juta penduduk ini yang dipimpin oleh pemimpin revolusi terkenal Fidel Castro.

Pesawat khas Penerbangan Malaysia yang membawa Perdana Menteri mendarat di lapangan terbang antarabangsa Jose Marti pukul 6.40 petang dalam keadaan cuaca tropika yang nyaman tanpa jerebu selepas penerbangan selama lapan jam dari Madrid.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongannya yang termasuk Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S.Samy Vellu, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan beberapa Menteri Besar dan menteri negari dari Sabah dan Sarawak, disambut oleh Menteri Luar Roberto Robaina.

Upacara sambutan rasmi akan diadakan di Plaza de la Revolucion pada hari Jumaat yang akan diikuti pertemuan seorang sama seorang dengan Presiden Castro.

Mesyuarat delegasi penuh yang dilangsungkan selepas pertemuan itu. Kemudian akan berlangsung pula majlis menandatangani tiga perjanjian mengenai penghapusan visa, galakan perdagangan dan perlindungan pelaburan timbal balas.

Para pegawai Malaysia berkata penandatanganan perjanjian itu melambangkan satu peringkat baru hubungan Malaysia-Cuba dengan peluang perdagangan dan pelaburan dijangka menyusul dan diterokai sektor swasta..

Mengiringi Perdana Menteri ialah rombongan 70 anggota ahli perniagaan yang mewakili pelbagai industri pengeluaran, perkapalan dan perkhidmatan termasuk nama-nama terkemuka seperti MEC (Malaysia Electric Corporation), YTL Corporation, DRB-Hicom dan Business Focus.

Kerajaan Cuba telah melaksanakan beberapa pembaharuan dalam beberapa tahun ini ekoran merosotnya ekonomi disebabkan penarikan bantuan Soviet dan telah mengambil langkah meliberalkan pasaran pertanian.

Sejak 1995 ekonominya bertambah baik dengan pendapatan eksport meningkat 20 peratus kepada US\$1.6 bilion dan import sebanyak 24 peratus kepada US\$2.4 bilion.

Cuba mempunyai beberapa industri pengeluaran tekstil dan kimia sementara sektor komoditinya mengeluarkan tembakau (untuk cerut terkenal Havana), gula dan kopi. Negara kepulauan Caribbean ini dengan keluasan 110,000 km persegi juga mempunyai sumber-sumber galian, terutama nikel.

Program padat Dr Mahathir termasuk lawatan ke resort pelancongan Varadero, projek pangkalan kapal Darsena, kira-kira 30 minit penerbangan dari sini pada Sabtu,

Sekembalinya ke Havana pada tengah hari beliau akan menghadiri jamuan tengah hari dengan Dewan Perdagangan Cuba.

Perdana Menteri akan berlepas ke Santiago Chile pada Ahad untuk lawatan tiga hari bagi menghadiri mesyuarat Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik ke-12 (PECC).

Beliau akan berlepas ke Uruguay selepas itu bagi lawatan dua hari diikuti lawatan kerja tiga hari ke Argentina sebelum pulang ke tanahair pada 5 Okt. -- BERNAMA

SJ NMO RON

